



# Pesanan Tunku Abdul Rahman jadi pedoman perkukuh bangsa

Oleh Dr Rohana Hamzah - Ogos 31, 2022 @ 1:59pm

**Penulis adalah Ketua Program (Jabatan Sains Sosial) Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP)**  
[bhrenanca@bh.com.my](mailto:bhrenanca@bh.com.my)



*Petugas kesihatan dan sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) memakai pakaian Kebangsaan berbilang kaum sempena sambutan Hari Merdeka ke 64 di PPV KLCC. - Foto Eizairi Shamsudin*

Merdeka! Bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' sempena menyambut hari merdeka ke-65 hari ini, tema berkenaan memberi penekanan kepada kepentingan perpaduan secara kolektif dalam membina keteguhan Keluarga Malaysia sejahtera.

Jelas sekali, perpaduan adalah asas bagi kita mempertahankan kemerdekaan dikecapi selama ini. Cabaran untuk mengekalkan perpaduan pula adalah kewujudan pelbagai kaum, budaya dan agama yang membentuk Keluarga Malaysia.

Kepelbagaiannya ini boleh menjadi punca tercetusnya perpecahan dan menggugat keamanan.

Semenjak 1957, kita menikmati kemerdekaan membebaskan negara daripada cengkaman penjajah. Bagi generasi selepas merdeka, pengalaman perit di bawah kuasa penjajah sukar dirasai.

Namun, kemunculan filem Mat Kilau mungkin membawa kita merasai dan mengerti makna kehidupan dalam cengkaman penjajah. Sekiranya mengutip pengajaran cuba disampaikan kembali melalui filem itu, jelas sekali nilai dan pemikiran penjajah adalah menakluki negara demi kepentingan ekonomi mereka.

Penjajahan minda dan jiwa pula bertujuan melemahkan serta menjadikan kita berjiwa penakut dengan dakwaan mereka sebagai bangsa lebih maju dan kuat. Kita dimomokkan dengan kecanggihan senjata perang dan ancaman bunuh tanpa perikemanusiaan.

Penyerahan diri dan kepatuhan kepada kehendak mereka adalah satu paksaan. Maka, dijajah bermakna kita hilang hak dan kebebasan untuk membuat pilihan.

### **Kemajuan senjata alat tunjuk kekuatan**

Apabila kepatuhan itu bersifat paksaan sudah tentu ia adalah satu kezaliman yang menggugat kesejahteraan. Inilah strategi penjajah. Kemajuan senjata perang menjadi alat untuk mengancam dan menunjukkan kekuatan ke atas bangsa lain.

Pada hari ini, semangat perjuangan watan masih diselubungi jiwa dan minda penjajah. Ia menyelinap secara halus dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Perlumbaan untuk menjadi lebih popular, lebih kaya dan hebat atau ketaksuhan melampau kepada personaliti tertentu semakin menjadi-jadi dengan kemajuan media sosial hari ini.

Fenomena ini melahirkan masyarakat mementingkan pencapaian berdasarkan ukuran fizikal berbanding nilai keilmuan. Akhirnya, pemikiran masyarakat menjadi lemah, manakala pertimbangan membuat pilihan terjejas untuk membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan.

Seandainya gejala ini berterusan, dibimbangi akan merosakkan gagasan mewujudkan Keluarga Malaysia. Oleh itu, perjuangan memerdekakan generasi hari ini daripada terbelenggu dengan minda penjajah perlu diteruskan.

Kemerdekaan jiwa dan minda terbina atas fitrah manusia itu sendiri iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kunci kemerdekaan jiwa inilah yang perlu diperteguhkan demi mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan negara.

Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan membebaskan jiwa manusia daripada ketakutan terhadap ancaman dunia fizikal. Penyerahan jiwa seorang hamba kepada Pencipta adalah satu konsep penyerahan spiritual cukup berbeza.

Penyerahan ini adalah kekuatan dalaman yang tumbuh bersandarkan kesedaran diri sebagai hamba kepada Tuhan yang Maha Pengasih lagi Penyayang.

Oleh itu, Tuhan tidak mungkin menzalimi hamba menyerah diri kepada-Nya. Di sebalik kekuasaan Tuhan bersifat infinitif, Dia memberi kita kebebasan untuk membuat pilihan supaya penyerahan dan kepatuhan lahir daripada kesedaran serta keikhlasan, bukan paksaan.

Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan juga mampu mengeluarkan manusia daripada kepompong keangkuhan diri kerana menyedari diri dan seluruh kejadian alam adalah milik Tuhan.

Kasih sayang Tuhan adalah rahsia di sebalik kejadian yang menumbuhkan jiwa kasih sayang dan rasa cinta kepada kedamaian serta keamanan.

Perbezaan bukan lagi punca pertikaian tetapi menjadi satu kelebihan dan perlu dimanfaatkan untuk hidup saling lengkap-melengkapi dalam negara memiliki masyarakat majmuk.

### **Bela negara demi keadilan**

Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan juga adalah tenaga dalaman. Justeru, perjuangan untuk membela negara tidak lagi bersandarkan kepentingan diri, individu atau bangsa tertentu tetapi demi keadilan.

Perjuangan di atas prinsip ini juga membebaskan jiwa daripada ketakutan kehilangan harta benda atau nyawa. Keberanian inilah sangat ditakuti dan sukar difahami masyarakat yang masih terbelenggu dengan jiwa dan minda penjajah.

Jiwa merdeka yang tumbuh berlandaskan ideologi prinsip kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan lebih mampu memimpin perubahan akhlak dan tingkah laku manusia.

Kepatuhan tanpa dipaksa melahirkan keikhlasan dan kejujuran yang mengukuhkan kepercayaan serta perpaduan Keluarga Malaysia. Inilah pesanan dititip bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman.

"Negeri kita ini unik. Tidak ada 'isme' yang boleh diimport dari luar negeri. Kita kenalah tadbirkan negeri ini secara sendiri. Jika kita cuba hendak tiru mana-mana 'isme' dari negeri luar, maka sudah tentu tidak dapat diterima rakyat negeri ini."

Inilah kunci kekuatan Keluarga Malaysia yang perlu kita hayati iaitu kekuatan dan kesatuan bersifat dalaman dibina di atas ideologi kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan seperti termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Usaha mendidik dan melahirkan insan berjiwa dengan minda merdeka mengikut acuan negara kita adalah satu perjuangan demi memelihara keteguhan bangsa.